



## PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM

### IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan diberi kepada anak Negeri Kedah Darul Aman) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

1.	Jawatan	: <b>PENOLONG PEGAWAI TADBIR</b>
	Gaji Ditawarkan	: RM1,900.00
	Gred	: <b>N29</b>
	Kekosongan	: Satu (1)
	Kemudahan	: Caruman KWSP & PERKESO, Cuti Rehat Serta Cuti Sakit, dan tuntutan elaun menjalankan tugas rasmi.

#### Syarat Kelayakan

- a) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- b) Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- c) Diploma Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Dan

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Deskripsi Tugas**

Menjalankan tugas – tugas berkaitan perundangan di Bahagian Perancangan PBT TPHTK serta memberi khidmat nasihat perundangan dalam perancangan bangunan – Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 bagi memastikan sumber perundangan relevan dengan keadaan semasa dan kepentingan PBT TPHTK terjamin.

<b>2. Jawatan</b>	<b>: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)</b>
Gaji Ditawarkan	: RM1,700.00
Gred	: N19
Kekosongan	: Satu (1)
Kemudahan	: Caruman KWSP & PERKESO, Cuti Rehat Serta Cuti Sakit, dan tuntutan elaun menjalankan tugas rasmi.

### **Syarat Kelayakan**

- a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
atau
- b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau

- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Dan
- e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Deskripsi Tugas**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi. Bertanggungjawab membantu merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program pembangunan masyarakat di peringkat negeri dan daerah. Bertanggungjawab membantu menyediakan khidmat sokongan operasi bahagian, menyediakan dokumentasi menerusi media cetak dan elektronik.

### **CARA-CARA MEMOHON:**

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Jawatan yang asal dengan memuat turun melalui laman sesawang Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim. Satu borang adalah untuk satu jawatan sahaja.

<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/peluang-pekerjaan-pbttphkt/>

- b. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA**  
**Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim**  
**Lot 01-03 KHTP Administrative Centre,**  
**Kulim Hi-Tech Park,**  
**09090 Kulim,**  
**Kedah Darul Aman.**  
**(u/p: Bahagian Pentadbiran)**

- c. Salinan sijil-sijil akademik dan dokumen berkaitan hendaklah DISAHKAN oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional).
- d. Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat.
- e. Permohonan yang berikut akan ditolak atau tidak akan diproses:
- i. Tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan
  - ii. Tidak mengemukakan dokumen yang diperlukan.
  - iii. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap atau tidak jelas.
  - iv. Borang permohonan tidak ditandatangani.
  - v. Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.
  - vi. Borang permohonan dihantar SELEPAS tarikh tutup iklan.

**PERHATIAN:**

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.
- iii. Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.
- iv. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 24 NOVEMBER 2024 (AHAD).**